




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di Negeri Sabah pada hari ini adalah sebanyak 644 kes. Tiada kematian dicatatkan pada hari ini. Jumlah kumulatif kes COVID-19 di negeri ini sebanyak 15,692 kes.
- 2 Pada hari ini, seramai 658 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital. Manakala seramai 3,061 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 641 orang di hospital dan 2,420 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 71 orang manakala 20 orang memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Hari ini Daerah Beaufort bertukar ke zon merah dan tiada kluster baharu dilaporkan.

- 4 Bilangan kes positif harian COVID-19 di Daerah Sandakan mencatatkan jumlah yang tinggi berpunca dari saringan kontak rapat.
- 5 Jumlah penambahan kapasiti katil hari ini di Hospital COVID-19 dan Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah sebanyak 384 katil menjadikan jumlah keseluruhan adalah sebanyak 8,296 katil. Penggunaan katil keseluruhan pada hari ini adalah 36.9%.
- 6 Bagi mengekang penularan wabak di Pusat Tahanan Sementara (PTS), Jabatan Kesihatan Negeri Sabah telah membuat kawalan jangkitan Pandemik ini di tiga PTS iaitu Tawau, Papar dan Kota Kinabalu. Bagi PTS Kota Kinabalu, saringan secara bersasar melibatkan sebahagian orang tahanan dan anggota keselamatan yang bertugas di PTS tersebut telah dibuat dan dikuarantinkan di kawasan PTS.

B. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI PUSAT TAHANAN SEMENTARA MENGGATAL, KOTA KINABALU

- 1 Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan PKPD di Pusat Tahanan Sementara (PTS) di Menggatal, Kota Kinabalu bermula 3 November 2020 sehingga 16 November 2020.
- 2 PKPD ini melibatkan 1,820 tahanan dan 114 orang kakitangan. Semua aktiviti keluar masuk ke pusat tahanan serta lawatan oleh ahli keluarga adalah tidak dibenarkan.

C. MOBILISASI SUMBER MANUSIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa prihatin kepada setiap keperluan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) dalam memerangi penularan wabak COVID-19. Rentetan itu, bermula hari ini tiga (3) orang Pegawai Perubatan Pakar akan ditempatkan di Hospital *Duchess Of Kent*, Sandakan, 12 orang Pegawai Perubatan akan ditempatkan di Hospital Tawau dan Hospital *Queen Elizabeth*, manakala sembilan (9) orang Jururawat akan ditempatkan di Hospital Tawau.
- 2 Sehingga hari ini, bantuan sumber manusia yang telah diterima JKNS adalah seramai 43 orang Pegawai Perubatan Pakar, 150 orang Pegawai Perubatan dan 255 orang Jururawat tetap dan kontrak.

D. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

1. Pengagihan bantuan bakul makanan (*food basket*) kepada golongan sasaran berjalan lancar. Sehingga hari ini, sebanyak **117,685** bakul makanan telah diagihkan.

E. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

1. Sebanyak 64 SJR telah dilaksanakan di 64 lokasi melibatkan pemeriksaan 31,237 kenderaan. Manakala, 286 buah kenderaan diarah berpatah balik dengan 47 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM telah melaksanakan 56 hebahan melalui kereta peronda. Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 96.5%.
2. Penguatkuasaan undang-undang di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan kawasan Pantai Timur adalah sebanyak 39 pemeriksaan dan perairan Kota Kinabalu dan Labuan sebanyak 24 pemeriksaan.
3. Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di lapan (8) premis di tiga (3) buah daerah iaitu Semporna, Tawau dan Tuaran.
4. Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 24 lokasi di dua (2) buah daerah.

Kerajaan Negeri komited untuk memberi yang terbaik kepada rakyat dari segi penyampaian perkhidmatan, saluran bantuan kepada yang memerlukan dan sumber informasi yang tepat.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe
#workfromhome
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

1 November 2020